

01 NOV 2002

Azalina-Tuduhan/I

AZALINA KATA BELIAU TIDAK TERJEJAS DENGAN TUDUHAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said buat pertama kalinya bersuara bagi menjawab tuduhan yang dilemparkan terhadapnya pada saat-saat menjelang pemilihan pergerakan itu dengan menyatakan beliau tidak terjejas dengan tuduhan berkenaan.

Beliau berkata tuduhan berkenaan tidak melemahkan semangatnya kerana "kadang kala sesuatu agenda politik atau komplot politik akan menyebabkan sesuatu perkara diperkatakan dan dilakukan."

"Politik bukannya untuk melemparkan tuduhan, politik ialah mengenai pergi ke akara umbi dan berkerja," katanya kepada pemberita semasa perhimpunan agung pertama Puteri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini berhenti rehat.

Beliau berkata pergerakan itu mempunyai tanggungjawab besar di masa depan terutamanya dalam memenuhi cabaran yang diberikan oleh presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menambah anggotanya.

Azalina secara rasminya dilantik sebagai ketua pergerakan itu selepas beliau muncul sebagai calon tunggal yang layak untuk bertanding bagi jawatan itu dengan jumlah pencalonan tertentu.

Sekurang-kurangnya empat yang lain yang telah mengumumkan hasrat mereka untuk bertanding bagi jawatan itu gagal mendapat sebarang pencalonan daripada bahagian-bahagian.

Azalina tidak membuat sebarang kenyataan berhubung tuduhan berkenaan kerana parti itu telah mengeluarkan arahan melarang berbuat demikian.

Ditanya sama ada beliau akan memohon injunksi bagi menghalang tuduhan itu daripada terus dilemparkan terhadapnya, beliau berkata: "Kita tengok dulu".

-- BERNAMA

AZZ AZZ RHM